



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 132

AKTA CUKAI PENDAPATAN (CARUMAN DAN PEMBAYARAN BALIK STOK PENIMBAL TIMAH) 1974

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

**AKTA CUKAI PENDAPATAN (CARUMAN DAN
PEMBAYARAN BALIK STOK PENIMBAL
TIMAH) 1974**

Tarikh Perkenan Diraja 5 Jun 1974

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 13 Jun 1974

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1995

Cetakan Semula Yang Kedua 2000

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 132****AKTA CUKAI PENDAPATAN (CARUMAN DAN
PEMBAYARAN BALIK STOK PENIMBAL
TIMAH) 1974**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pilihan mengenai pengiraan caruman bagi maksud cukai
4. Pengiraan caruman bagi maksud cukai jika ada pilihan
5. Pengiraan pembayaran balik bagi maksud cukai jika tiada pilihan
6. Peremitan cukai

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 132****AKTA CUKAI PENDAPATAN (CARUMAN DAN
PEMBAYARAN BALIK STOK PENIMBAL
TIMAH) 1974**

Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk pengiraan caruman dan pembayaran balik di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Timah (Stok Penimbal) 1972 bagi maksud cukai pendapatan.

[14 Jun 1974]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Pendapatan (Caruman dan Pembayaran Balik Stok Penimbal Timah) 1974.

(2) Akta ini hendaklah disifatkan telah berkuat kuasa dari tahun taksiran 1973.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“caruman” berkenaan dengan seseorang pencarum, ertinya sesuatu caruman yang dia dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan Kawalan Timah (Stok Penimbal) 1972 [*P.U. (A) 64/1972*] (dalam Akta ini disebut Peraturan-Peraturan itu) supaya membayarnya, dan termasuklah suatu caruman di bawah Peraturan-Peraturan itu yang ditanggung olehnya dengan potongan daripada harga yang dibayar kepadanya, dan sebutan mengenai caruman yang dibayar hendaklah ditafsirkan seperti itu juga;

“cukai pendapatan” ertinya cukai pendapatan yang dikenakan oleh Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] (dalam Akta ini disebut Akta Cukai Pendapatan);

“pembayaran balik” ertinya suatu jumlah wang yang dibayar balik di bawah peraturan 26 Peraturan-Peraturan itu;

“pencarum” ertinya seseorang yang didaftarkan sebagai seorang pencarum di bawah peraturan 7 Peraturan-Peraturan itu dan termasuklah mana-mana orang lain yang membuktikan dengan memuaskannya hati Ketua Pengarah bahawa dia telah membayar atau menanggung caruman di bawah apa-apa perjanjian atau perkiraan;

“perakuan carum” ertinya Perakuan Syer Stok Penimbal yang dikeluarkan di bawah peraturan 24 Peraturan-Peraturan itu.

(2) Perkataan dan ungkapan yang ditakrifkan dalam mana-mana peruntukan Akta Cukai Pendapatan itu hendaklah mempunyai erti yang ditakrifkan itu jika digunakan dalam Akta ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain.

Pilihan mengenai pengiraan caruman bagi maksud cukai

3. (1) Seseorang pencaruman boleh dengan notis secara bertulis kepada Ketua Pengarah memilih supaya caruman yang dibayar olehnya mengenai bijih padat timah yang dijual olehnya dalam menjalankan sesuatu perniagaannya yang termasuk mengerjakan sesuatu lombong dibenarkan sebagai suatu potongan dalam menentukan pendapatannya daripada perniagaan itu bagi maksud cukai pendapatan.

(2) Sesuatu pilihan di bawah seksyen ini tidak sah jika dibuat selepas 31 Disember 1974.

(3) Sesuatu pilihan di bawah seksyen ini tidak boleh dibatalkan.

Pengiraan caruman bagi maksud cukai jika ada pilihan

4. (1) Jika seorang pencarum (dalam seksyen ini disebut pencarum yang berkenaan) telah membuat suatu pilihan di bawah seksyen 3 berhubung dengan caruman yang dibayar olehnya mengenai bijih padat timah yang dijual olehnya dalam menjalankan sesuatu

perniagaannya (dalam seksyen ini disebut perniagaan yang berkenaan) yang termasuk mengerjakan sesuatu lombong, peruntukan yang berikut dalam seksyen ini hendaklah berkuat kuasa.

(2) Jika bagi sesuatu tahun taksiran (dalam seksyen ini disebut tahun yang berkenaan) pencarum yang berkenaan mempunyai pendapatan statutori (dalam subseksyen ini disebut pendapatan statutori yang berkenaan) daripada perniagaan yang berkenaan yang ditentukan di bawah seksyen 42 Akta Cukai Pendapatan—

- (a) jika amaun pendapatan statutori yang berkenaan itu melebihi amaun caruman (kemudian daripada ini dalam seksyen ini disebut caruman yang berkenaan) yang dibayar olehnya dalam tahun sebelum tahun yang berkenaan itu mengenai bijih padat timah yang dijual olehnya dalam menjalankan perniagaan yang berkenaan itu, lebihan itu hendaklah disifatkan sebagai amaun pendapatan statutorinya daripada perniagaan yang berkenaan bagi maksud seksyen 42 Akta Cukai Pendapatan;
- (b) jika amaun pendapatan statutori yang berkenaan itu sama banyaknya dengan amaun caruman yang berkenaan, dia hendaklah disifatkan tidak mempunyai apa-apa pendapatan statutori daripada perniagaan yang berkenaan bagi tahun yang berkenaan bagi maksud seksyen 42 Akta Cukai Pendapatan;
- (c) jika amaun caruman yang berkenaan melebihi amaun pendapatan statutori yang berkenaan, dia hendaklah disifatkan tidak mempunyai apa-apa pendapatan statutori daripada perniagaan yang berkenaan bagi tahun yang berkenaan bagi maksud seksyen 42 Akta Cukai Pendapatan dan lebihan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu kerugian larasan yang ditanggung olehnya daripada perniagaan yang berkenaan bagi maksud subseksyen 44(2) Akta Cukai Pendapatan.

(3) Jika bagi, tahun yang berkenaan pencarum yang berkenaan tidak mempunyai pendapatan statutori yang ditentukan di bawah seksyen 42 Akta Cukai Pendapatan, daripada perniagaan yang berkenaan—

- (a) jika ada apa-apa kerugian larasan yang ditanggung olehnya dalam tahun sebelum tahun yang berkenaan dalam perniagaan yang berkenaan, amaun caruman yang

berkenaan hendaklah dicampurkan kepada amaun kerugian larasan itu dan amaun agregat itu hendaklah disifatkan sebagai kerugian larasan yang ditanggung olehnya dalam tahun sebelum tahun yang berkenaan dalam perniagaan yang berkenaan, bagi maksud subseksyen 44(2) Akta Cukai Pendapatan;

- (b) bagi sesuatu hal lain, amaun caruman yang berkenaan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu kerugian larasan yang ditanggung olehnya dalam perniagaan yang berkenaan dalam tahun sebelum tahun yang berkenaan bagi maksud subseksyen 44(2) Akta Cukai Pendapatan.

(4) Jika bagi tahun yang berkenaan pencarum yang berkenaan mempunyai pendapatan statutori daripada perniagaan yang berkenaan, yang ditentukan di bawah seksyen 42 Akta Cukai Pendapatan, amaun bayaran balik (dalam seksyen ini disebut bayaran balik yang berkenaan) yang dibuat kepadanya dalam tahun sebelum tahun yang berkenaan mengenai apa-apa caruman yang dibayar olehnya mengenai bijih padat timah yang dijual olehnya dalam menjalankan perniagaan yang berkenaan, hendaklah dicampurkan kepada amaun pendapatan statutori itu dan amaun agregatnya hendaklah dikira sebagai amaun pendapatan statutorinya bagi tahun yang berkenaan daripada perniagaan yang berkenaan, bagi maksud seksyen 42 Akta Cukai Pendapatan.

(5) Jika bagi tahun yang berkenaan pencarum yang berkenaan tidak mempunyai pendapatan statutori daripada perniagaan yang berkenaan, yang ditentukan di bawah seksyen 42 Akta Cukai Pendapatan—

- (a) jika tidak ada kerugian larasan yang ditanggung olehnya dalam perniagaan yang berkenaan dalam tahun sebelum tahun yang berkenaan, amaun bayaran balik yang berkenaan hendaklah disifatkan sebagai amaun pendapatan statutorinya daripada perniagaan yang berkenaan bagi tahun yang berkenaan, bagi maksud seksyen 42 Akta Cukai Pendapatan;

(b) jika ada sesuatu kerugian larasan—

- (i) jika amaun bayaran balik yang berkenaan melebihi amaun kerugian larasan tersebut, lebihan itu hendaklah disifatkan sebagai amaun pendapatan statutorinya daripada perniagaan yang berkenaan bagi tahun yang berkenaan, bagi maksud seksyen 42 Akta Cukai Pendapatan;

- (ii) jika amaun bayaran balik yang berkenaan adalah sama banyaknya dengan amaun kerugian larasan tersebut, dia hendaklah disifatkan tidak mempunyai apa-apa pendapatan statutori daripada perniagaan yang berkenaan bagi tahun yang berkenaan, bagi maksud seksyen 42 Akta Cukai Pendapatan;
- (iii) jika amaun kerugian larasan tersebut melebihi amaun bayaran balik yang berkenaan, lebih itu hendaklah disifatkan sebagai amaun kerugian larasan yang ditanggung olehnya dalam perniagaan yang berkenaan dalam tahun sebelum tahun yang berkenaan bagi maksud subseksyen 44(2) Akta Cukai Pendapatan.

(6) Jika sekiranya sesuatu bayaran balik (dalam seksyen ini disebut bayaran balik lewat) mengenai mana-mana caruman yang dibayar oleh pencarum yang berkenaan mengenai bijih padat timah yang dijual olehnya dalam menjalankan perniagaan yang berkenaan dibuat selepas perniagaan yang berkenaan tidak lagi dijalankan, bayaran balik lewat itu hendaklah dikira bagi maksud subseksyen (4) dan (5) sebagai telah dibuat dalam tahun sebelum tahun taksiran yang akhir bagi penaksiran pendapatan daripada perniagaan yang berkenaan, dan sebagai suatu amaun yang sama banyaknya dengan amaun bayaran balik yang sebenar:

Dengan syarat bahawa—

- (a) sementara menanti penetapan amaun bayaran balik lewat atau amaun agregat bayaran balik lewat itu, pencarum yang berkenaan bolehlah disifatkan bagi maksud subseksyen ini sebagai telah menerima bayaran balik lewat yang amaun agregatnya sama banyak dengan amaun agregat semua caruman yang dibayar olehnya mengenai bijih padat timah yang dijual olehnya dalam menjalankan perniagaan yang berkenaan, ditolak amaun semua bayaran balik yang dibuat kepadanya sebelum perniagaan yang berkenaan itu tidak lagi dijalankan, mengenai apa-apa caruman yang dibayar olehnya mengenai bijih padat timah yang dijual olehnya dalam menjalankan perniagaan yang berkenaan itu;
- (b) jika pencarum yang berkenaan disifatkan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (a) proviso ini apabila

ditetapkan amaun sebenar bayaran balik lewat itu atau amaun agregat bayaran balik lewat itu—

- (i) jika amaun cukai pendapatan yang ditaksirkan mengikut perenggan itu adalah kurang daripada amaun cukai pendapatan yang sepatutnya telah ditaksirkan jika amaun sebenar bayaran balik lewat atau amaun agregat bayaran balik lewat itu telah ditetapkan, suatu penaksiran tambahan hendaklah dibuat dengan sewajarnya;
- (ii) jika amaun cukai pendapatan yang ditaksirkan mengikut perenggan itu melebihi amaun cukai pendapatan yang sepatutnya telah ditaksirkan jika amaun sebenar bayaran balik lewat atau amaun agregat bayaran balik lewat itu telah ditetapkan, penaksiran itu hendaklah dikurangkan sebanyak suatu jumlah wang sama banyak dengan amaun lebihan itu.

(7) Hak untuk menerima sesuatu bayaran balik mengenai mana-mana caruman yang dibayar oleh pencarum yang berkenaan mengenai bijih padat timah yang dijual olehnya dalam menjalankan perniagaan yang berkenaan tidak boleh diserahkan kecuali dengan persetujuan Ketua Pengarah.

(8) Pencarum yang berkenaan hendaklah menyerahkan perakuan carumannya kepada Ketua Pengarah untuk dihantar kepada Akauntan Negara.

Pengiraan pembayaran balik bagi maksud cukai jika tiada pilihan

5. Jika seseorang pencarum tidak membuat suatu pilihan di bawah seksyen 3 berhubung dengan caruman yang dibayar olehnya mengenai bijih padat timah yang dijual olehnya dalam menjalankan sesuatu perniagaannya yang termasuk mengerjakan suatu lombong, sesuatu bayaran balik yang dibuat berkenaan dengan caruman itu hendaklah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Peremitan Cukai

6. (1) Apa-apa bahagian cukai yang dikira di bawah seksyen 4 dan yang kena dibayar oleh pencarum itu boleh diremitkan oleh Ketua Pengarah atas alasan keadilan dan ekuiti.

(2) Jika peremitan di bawah subseksyen (1) telah diberikan kepada seseorang pencarum, dan pencarum itu telah membayar mana-mana cukai yang berkenaan dengan peremitan itu maka dia adalah berhak mendapat amaun yang telah dibayar itu dipulangkan balik kepadanya seolah-olah amaun itu ialah suatu bayaran berlebihan yang baginya seksyen 111 Akta Cukai Pendapatan terpakai.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 132

**AKTA CUKAI PENDAPATAN (CARUMAN DAN
PEMBAYARAN BALIK STOK PENIMBAL
TIMAH) 1974**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

-TIADA-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 132****AKTA CUKAI PENDAPATAN (CARUMAN DAN
PEMBAYARAN BALIK STOK PENIMBAL
TIMAH) 1974****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa
dari**-TIADA-**
